

Kitaran Agregat : Kajian Kes Kehilangan-Kerugian Di Kuari Dan Tapak Binaan

V.L.W. Wong, J.J. Pereira & Mazlin Mokhtar

Institute for Environment and Development (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak: Pertumbuhan ekonomi pesat telah menyumbang kepada pembangunan industri pembinaan di Lembangan Langat dan meningkatkan permintaan untuk bahan binaan agregat. Penilaian kitaran agregat dijalankan untuk lembangan ini dengan permulaan daripada proses pengekstrakan di kuari kepada proses penggunaan di tapak binaan sehinggalah pembuangan akhirnya. Kajian kes dijalankan di sebuah tapak kuari dan tapak pembinaan dengan mengambilkira kehilangan-kerugian ke atas alam sekitar fizikal. Hasil yang diperolehi

menunjukkan kehilangan-kerugian yang disumbangkan daripada aktiviti pengkuarian sebanyak 42,200 tan setahun sementara kehilangan daripada tapak binaan boleh diabaikan. Kajian juga mendapati wujudnya penggunaan semula bahan buangan agregat di tapak, namun bahan agregat daripada kuari tidak dikitar semula disebabkan oleh kekurangan permintaan.